

JPSM agih 2,000 pokok nadir

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) mengagihkan 2,000 pokok nadir secara percuma kepada penduduk lima kampung di daerah ini untuk di tanam di kawasan rumah masing-masing.

Ketua Pengarahnya, Datuk Nor Akhirrudin Mahmud berkata, empat pokok diberikan kepada penduduk kampung ialah asam jawa, mangga, kelapa pandan dan ciku.

Beliau berkata, program julung kali diperkenalkan yang turut mendapat kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bertujuan menghijaukan

kawasan kampung selain menjadi sumber pendapatan tambahan kepada penduduk.

Katanya, walaupun tanah di sini berpasir namun dengan penjagaan yang baik, pokok kelapa pandan, mangga, ciku dan asam jawa boleh hidup subur serta mengeluarkan buah setiap tahun.

“Saya berharap program pemberian empat jenis pokok nadir itu dapat menghijaukan kawasan di enam kampung tradisional di daerah ini menjadi kenyataan dalam masa tiga hingga lima tahun akan datang,” katanya.